

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/1990**

**Mac/April 1990**

**BZE 496/3: BIOLOGI CRUSTASEA**

**Masa: [3 jam]**

---

**Jawab LIMA daripada ENAM.**

**Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.**

---

1. Bincangkan haiwan Dekapoda dari segi morfologi am dan taksonomi.

(20 markah)

2. 'Krill' merupakan kumpulan udang Euphausiid. Bincangkan perusahaan penangkapan krill di kawasan Antartika, masalah-masalah yang dihadapi dan bagaimana masalah-masalah ini dapat diatasi.

(20 markah)

3. Apakah faktor-faktor, terutamanya faktor persekitaran yang perlu diambil kira sebelum memulakan penternakan udang secara ekstensif di kawasan bakau.

(20 markah)

4. Dengan pertolongan gambarajah yang sesuai bincangkan bagaimana morfologi apendej-apendej Malacostraca telah diubahsuai untuk menjalankan fungsi-fungsi tertentu.

(15 markah)

Kenapakah kumpulan Phyllocarida dianggap sebagai kumpulan yang paling primitif dalam kelas Malacostraca.

(5 markah)

5. Bincangkan rantaian evolusi di dalam kumpulan teritip.

(10 markah)

Bagaimanakah rupabentuk kumpulan ini diubahsuai untuk cara kehidupan yang dialami oleh teritip.

(10 markah)

(BZE 496/3)

6. Subkelas Callanoida merupakan kumpulan zooplankton yang penting. Bincangkan kumpulan ini dari segi:-

Cara dan tabiat pemakanan (10 markah)

Pergerakan (5 markah)

Pembiakan dan tumbesaran (5 markah)

-ooo0ooo-